

0670

U B211 BAH

UMNO - UUM

KUALA LUMPUR, 29 SEPT. (BERNAMA) -- KAMPUS UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) DI JITRA, KEDAH AKAN HANYA BERHARGA \$24 JUTA IAITU PERUNTUKAN YANG DAPAT DIJIMATKAN DARIPADA KEPUTUSAN KERAJAAN TIDAK MENGHANTAR PELAJAR-PELAJAR MENGIKUTI KURSUS PRA-UNIVERSITI DI LUAR NEGERI.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI LANGKAH KERAJAAN ITU MEMBOLEHKAN \$20 JUTA HINGGA \$30 JUTA DIJIMATKAN DAN WANG ITU AKAN DIGUNAKAN BAGI MEMBINA KAMPUS UUM.

KATANYA NAIB CANSELOR UUM PROF TAN SRI DR AWANG HAD SALLEH TELAH PUN DIARAHKAN SUPAYA HANYA MENDIRIKAN BANGUNAN-BANGUNAN PERLU SAHAJA YANG TIDAK BERBENTUK INDAH-INDAH TETAPI SESUAI DENGAN TUJUANNYA.

+YANG PENTING DALAM MEMBINA SEBUAH KAMPUS UNIVERSITI IALAH BUKAN KEINDAHAN REKABENTUK BANGUNAN-BANGUNANNYA TETAPI ISINYA IAITU MUTU PENGAJIAN DAN PELAJAR YANG APABILA LULUS MENJADI RAKYAT YANG BERAKHLAK TINGGI DAN SANGGUP MEMIKUL TANGGUNGJAWAB DEMI KEPENTINGAN RAKYAT,+ TEGASNYA PADA PERHIMPUNAN AGUNG KHAS UMNO YANG BERAKHIR DI SINI.

MENGENAI KAMPUS UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) DI JOHOR YANG KINI BERHARGA \$800 JUTA, BELIAU BERKATA PERBELANJAAN YANG BESAR ITU DIRANCANGKAN KETIKA NEGARA TIDAK MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI.

SEMALAM, MENTERI PELAJARAN DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI BERKATA PEMBINAANNYA TERPAKSA DITERUSKAN KERANA KONTRAK TELAH PUN DITANDATANGANI DENGAN PIHAK-PIHAK BERKENAAN. -- BERNAMA

1750MST 29 09 85